



Kepada	SEMUA AHLI KESAKA SEMUA KAKITANGAN PTSB
Daripada	Pengerusi KESAKA Sesi 2022/2023
Salinan Kepada	1. Tuan Pengarah 2. Timbalan Pengarah (Akademik) 3. Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) 4. Ketua-ketua jabatan dan unit/pusat 5. Fail Timbul
Rujukan Fail	PTSB/PENT/HUB201/1 (86)
Tarikh	3 Mac 2024
Perkara	MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KELAB KEBAJIKAN, SUKAN DAN UKHWAH KAKITANGAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH (KESAKA) BAGI SESI 2024/2025

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera,

Mesyuarat agung KESAKA seperti perkara di atas akan diadakan mengikut ketetapan seperti berikut :

- Tarikh : 10 MAC 2024 (AHAD) bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan (MPB) Bulan Februari 2024 (masa yang diperuntukkan 30 minit)
Masa : antara pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang
Tempat : Dewan Muadzam Shah (DMS)
Agenda :
- Ucapan pengerusi
- Pengesahan minit mesyuarat agung yang lepas
- Pembentangan dan pengesahan laporan aktiviti tahunan
- Pembentangan dan pengesahan laporan kewangan
- Pemilihan ahli jawatankuasa sesi 2024/2025

Tuan/puan dijemput hadir untuk jayakan mesyuarat ini.

Tuan/puan boleh mencalonkan sesiapa sahaja atau diri tuan/puan sendiri untuk menganggotai jawatankuasa KESAKA Sesi 2024/2025. Pencalonan boleh dibuat di pautan berikut :

[Borang Pencalonan Jawatankuasa KESAKA Sesi 2024/2025 \(google.com\)](#)

Suka saya memaklumkan di sini bahawa mengikut perlembagaan KESAKA, perwakilan untuk sebuah jawatankuasa hendaklah terdiri dari wakil-wakil seperti berikut :

- i. DUA (2) wakil dari Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)

- ii. DUA (2) wakil dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)
- iii. DUA (2) wakil dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)
- iv. DUA (2) wakil dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK)
- v. DUA (2) wakil dari Jabatan Perdagangan (JP)
- vi. DUA (2) wakil dari Jabatan Pengajian Am (JPA)
- vii. SEORANG (1) wakil dari Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (JHEPP); dan Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi)
- viii. SEORANG (1) wakil dari Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK)
- ix. DUA (2) wakil dari Unit Khidmat Pengurusan (UKP)
- x. SEORANG (1) wakil dari Pengurusan Tertinggi
- xi. SEORANG (1) wakil dari Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan (UPDP)
- xii. SEORANG (1) wakil dari Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK)
- xiii. SEORANG (1) wakil dari Unit Pentadbiran Kamsis (UPSIS); dan Unit Komunikasi Korporat (UKK)
- xiv. SEORANG (1) wakil dari Unit Perpustakaan al-Khawarizmi (UPK); dan Pusat Pembangunan Bahan Digital dan Multimedia (PPDM)
- xv. SEORANG (1) wakil dari Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL); Unit Perhubungan Latihan Industri (UPLI); dan Unit Peperiksaan dan Penilaian (UPEP).

Mengikut ketetapan perlembagaan juga, mesyuarat agung dwi tahunan hendaklah memilih seorang wakil dari ahli mesyuarat pengurusan (AMP) yang terpilih dari perwakilan di atas sebagai pengerusi KESAKA. Jika tidak ada wakil dari AMP maka pemilihan hendaklah dibuat pada ketika itu juga untuk memilih wakil dari AMP sebagai pengerusi KESAKA.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAMRE BIN AB RAHMAN)